

Meritokrasi: Pemuda ingin dengar penjelasan

UMNO 6 AUG 2011
KUALA LUMPUR 5 Ogos Pergerakan Pemuda UMNO terlebih dahulu mahu mendengar penjelasan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai cadangan pelaksanaan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), sebelum memberi persetujuan atau sebaliknya.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, penjelasan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO kepada ahli UMNO Rabu ini penting kerana ia akan memperincikan bentuk dasar meritokrasi yang bakal dilaksanakan.

Beliau bagaimanapun berkata: "Bersetuju atau tidak, tidak penting. Apa yang lebih penting sekarang ialah mencari kaedah bagi memastikan pencapaian pelajar Melayu dapat dipertingkatkan."

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melepaskan peserta dan menyampaikan hadiah dalam acara Cabaran Towerthon Antarabangsa Telekom di Menara Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Pemuda UMNO sebelum ini dilaporkan mahu kerajaan menimbang cadangan pelaksanaan dasar meritokrasi itu kerana sistem kuota kemasukan pelajar bumiputera ke IPTA masih diperlukan.

Hishammuddin menegaskan, dalam soal pendidikan, pendirian Pemuda UMNO tidak pernah berubah iaitu mahu melihat orang Melayu berjaya dan kemudahan untuk menuntut ilmu dinertahankan.

Menteri Belia dan Sukan itu berkata, Pemuda UMNO yakin bahawa Perdana Menteri ikhlas untuk memajukan orang Melayu walaupun pendekatan dan tindakannya agak keras.

"Dari faktanya adalah jelas bahawa pencapaian pelajar Melayu telah merosot dan Dr. Mahathir nampak bimbang dengan keadaan itu," katanya.

Beliau juga memberitahu, Pemuda UMNO mempunyai beberapa cadangan untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajar Melayu dan akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi.

Antaranya, kata beliau, ialah kajian terhadap kurikulum sekolah dan kelas tuisyen intensif kepada pelajar Melayu.

Beliau juga meminta parti pembangkang supaya turut memberikan cadangan mereka dan tidak hanya melihat kelemahan orang Melayu ini untuk dijadikan isu politik.

"Kalau mereka sayang dan ikhlas untuk membantu anak bangsa, mereka juga perlu memberikan cadangan dan bersama dengan kita," tegasnya.